

Nikah rendah, cerai tinggi

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kes perceraian di Malaysia meningkat 43.1 peratus daripada 43,936 kes pada 2021 kepada 62,890 kes tahun lalu.

Ketua Perangkawan berkata, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, perceraian tertinggi adalah pada kumpulan umur 35 hingga 39 tahun bagi pengantin lelaki manakala pengantin perempuan adalah pada kumpulan usia 30 hingga 34 tahun.

Kata beliau, bilangan perceraian orang Islam mencatatkan peningkatan 45.8 peratus pada 2022 atau 46,138 kes berbanding 31,650 kes pada 2021.

"Peningkatan ini disebabkan kes-kes yang dibawa ke hadapan

dari pada tahun sebelumnya. Tiga negeri yang mencatatkan peningkatan tertinggi bilangan perceraian orang Islam iaitu Kedah (113.6 peratus), Sabah (94.5 peratus) dan Perlis (83.5 peratus).

"Sementara itu, perceraian orang bukan Islam juga meningkat 36.4 peratus daripada 12,286 (2021) kepada 16,752 (2022). Tiga lokasi atau negeri yang mencatatkan peningkatan tertinggi bilangan perceraian orang bukan Islam iaitu Putrajaya (500 peratus) diikuti Johor (61.5 peratus) dan Melaka (59.0 peratus)," katanya dalam satu kenyataan.

Terdahulu, Jabatan Perangkaan Malaysia mengeluarkan laporan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2023 yang membentangkan statistik perkahwinan dan perceraian bagi tahun 2021 dan

2022 mengikut ciri-ciri demografi di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran.

Statistik itu adalah input penting kepada perancangan dasar sosial bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia selain berguna sebagai sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik.

Mengulas lanjut, Mohd. Uzir berkata, bilangan perkahwinan di Malaysia pula menurun 0.5 peratus daripada 215,973 pen- daftaran yang direkodkan pada 2021 kepada 214,824 pada 2022.

Pada masa sama, umur penengah pengantin lelaki kekal pada usia 28 tahun manakala umur penengah pengantin perempuan meningkat kepada usia 27 tahun berbanding 26 tahun pada 2021.

"Penurunan bilangan perkah-

winan ini disumbangkan oleh penurunan 4.1 peratus bilangan perkahwinan orang Islam pada 2022 (168,726) berbanding 2021 (176,002).

"Tiga negeri yang menunjukkan penurunan tertinggi perkahwinan orang Islam adalah Putrajaya (19.6 peratus) diikuti Perak (12.8 peratus) dan Terengganu (11.3 peratus)," katanya.

Sementara itu, beliau menambah, bilangan perkahwinan orang bukan Islam pula merekodkan peningkatan 15.3 peratus daripada 39,971 pada 2021 kepada 46,098 pada 2022.

"Tiga negeri yang menunjukkan peningkatan tertinggi perkahwinan Orang Bukan Islam iaitu Terengganu (40.2 peratus), Johor (26.6 peratus) dan Negeri Sembilan (21.1 peratus)," katanya.

6.4 peratus pengantin berumur 65 tahun ke atas kahwin pasangan muda

PETALING JAYA: Sebanyak 6.4 peratus pengantin berumur 65 tahun dan ke atas direkodkan mengahwini pasangan yang lebih muda dalam kumpulan umur 24 tahun dan ke bawah.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, ia membabitkan 2.9 peratus pengantin lelaki dan 3.5 peratus pengantin perempuan berumur 65 tahun dan ke atas.

"Perkahwinan tertinggi adalah pada kumpulan umur 25-29 tahun bagi kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan.

"Statistik juga menunjukkan umur pengantin lelaki dan perempuan paling tua direkodkan pada tahun 2022 masing-masing adalah berumur 92 tahun dan 86 tahun," katanya dalam kenyataan.

Terdahulu, Jabatan Perangkaan Malaysia mengeluarkan laporan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2023 yang membentangkan statistik perkahwinan dan perceraian bagi tahun 2021 dan 2022 mengikut ciri-ciri demografi di peringkat nasional, negeri dan

daerah pentadbiran.

Statistik itu adalah input penting kepada perancangan dasar sosial bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia selain berguna sebagai sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik.

Sementara itu, Mohd. Uzir berkata, hampir tujuh peratus daripada jumlah perkahwinan pada 2022 adalah perkahwinan di antara pengantin lelaki dan perempuan yang berbeza kumpulan etnik.

"Bilangan perkahwinan anta-

ra etnik menurun 15.4 peratus, iaitu daripada 16,346 (2021) kepada 13,833. Perkahwinan antara etnik bagi orang Islam adalah 44.2 peratus dan orang Bukan Islam 55.8 peratus," katanya.

Utusan Online sebelum ini melaporkan, bilangan perkahwinan di Malaysia menurun 0.5 peratus daripada 215,973 pen- daftaran yang direkodkan pada 2021 kepada 214,824 pada 2022.

Daerah Petaling, Selangor men- catatkan bilangan perkahwinan tertinggi bagi orang Islam dan orang bukan Islam pada 2022.